



KENYATAAN MEDIA

UNESCO IKTIRAF KINABATANGAN SEBAGAI TAPAK RIZAB BIOSFERABAHARU DAN PENGEKALAN STATUS RIZAB BIOSFERA BANJARAN CROCKER

Malaysia berbangga dengan pencapaian dan pengiktirafan yang telah diberikan kepada dua (2) tapak rizab biosfera Malaysia dari Negeri Sabah di bawah Program *Man and the Biosphere* (MAB) oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* - UNESCO) semasa mesyuarat *International Coordinating Council of Man and the Biosphere Programme*(MAB-ICC) ke-37 yang berlangsung pada 27 September 2025 di Hangzhou, China.

Pertama, **Rizab Biosfera Banjaran Crocker** telah melepasi proses penilaian *periodic review* dan **berjaya mengekalkan status** sebagai tapak rizab biosfera UNESCO. Kedua, **Kinabatangan, Sabah** telah diiktiraf sebagai **tapak rizab biosfera Malaysia terbaharu, iaitu yang keempat** di bawah Program MAB selepas Tasik Chini, Pahang (2009), Banjaran Crocker, Sabah (2014) dan Bukit Bendera, Pulau Pinang (2021).

Penilaian *periodic review* merupakan *milestone penting* bagi sesebuah rizab biosfera yang dilaksanakan setiap 10 tahun. Proses ini bertujuan untuk menyemak keberkesanan, pengezonan dan pengurusan rizab biosfera, selain daripada penglibatan komuniti di kawasan rizab tersebut. Rizab Biosfera Banjaran Crocker telah melalui proses *periodic review* ini selepas 10 tahun diiktiraf pada tahun 2014.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) selaku *national focal point* kepada program MAB merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah di atas pengiktirafan ini. Kejayaan ini merupakan hasil komitmen dan dedikasi pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, serta badan bukan kerajaan, pihak industri dan komuniti setempat yang menzahirkan usaha kolektif dan bersepadu dalam mengurus kawasan berkepentingan biodiversiti serta memacu pembangunan mampan di Sabah.

NRES yakin Kerajaan Negeri Sabah akan terus komited dalam usaha memperkukuhkan usaha pemeliharaan biodiversiti dan mengurus pembangunan secara mampan, selaras dengan *Sabah Biodiversity Strategy 2024–2034*. Langkah berterusan ini akan memastikan status pengiktirafan antarabangsa ini dapat dikekalkan, sekali gus menjadikan Sabah sebagai model kejayaan harmonisasi antara manusia dan alam semula jadi.

NRES menyambut baik sebarang usaha yang diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pada masa akan datang untuk mencalonkan kawasan-kawasan yang berpotensi sebagai tapak MAB atau tapak-tapak berkepentingan biodiversiti antarabangsa seperti Ramsar, *Asian Heritage Park (AHP)* dan *East Asian-Australasian Flyway Partnership (EAAFP)*. Ini selaras dengan Tindakan 8.5, Sasaran 8, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan (DKBK) 2022–2030, iaitu memperkasakan usaha mendapatkan pengiktirafan kawasan berkepentingan antarabangsa bagi pemeliharaan kepelbagaian biologi.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
28 SEPTEMBER 2025



MAKLUMAT TAMBAHAN

Rizab Biosfera Kinabatangan yang berkeluasan 413,866 hektar pula merupakan khazanah alam yang kaya dengan biodiversiti unik serta warisan budaya bernilai tinggi. Terletak sepanjang 560 kilometer jajaran Sungai Kinabatangan, Rizab Biosfera Kinabatangan merupakan habitat penting kepada 315 spesies burung, 100 spesies reptilia, 33 spesies amfibia, 127 spesies mamalia dan lebih 1,000 spesies tumbuhan vaskular.

Tapak ini juga menjadi habitat kepada spesies endemik, jarang ditemui serta terancam, antaranya orang utan (*Pongopygmaeus*), gajah Borneo (*Elephas maximusborneensis*), monyet belanda (*Nasalis larvatus*), beruang matahari (*Helarctos malayanus*), harimau dahan (*Neofelis diardi*), dan lapan (8) spesies burung enggang Sabah.

Pengiktirafan Rizab Biosfera Kinabatangan turut menyokong pemeliharaan dialek Sungai yang kini disenaraikan sebagai *Critically Endangered* oleh UNESCO *Atlas of the World's Languages in Danger*.

Meskipun berdepan cabaran bagi memenuhi keperluan penilaian tersebut, khususnya dalam mematuhi kriteria ketat di bawah *Statutory Framework of the World Network of Biosphere Reserves* (WNBR), Rizab Biosfera Banjaran Crocker berjaya melepasi penilaian *periodic review* dengan mengemukakan kesemua maklumat dan maklum balas berkaitan kepada panel *International Advisory Committee for Biosphere Reserves* (IACBR).